

Banduan kena penjara lima tahun miliki 35.56g syabu

11 Mei 2022

Banduan kena penjara lima tahun miliki 35.56g syabu

Melaka: Seorang banduan terpaksa merengkok lebih lama di dalam penjara apabila dihukum penjara lima tahun enam bulan dan 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, di sini, semalam atas kesalahan memiliki 35.56 gram syabu di sebuah inap desa, tahun lalu.

Hakim Nariman Badruddin menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Afif Ishak, 34, selepas tertuduh mengaku bersalah melakukan perbuatan itu.

Mahkamah memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak dengan hukuman sedang dijalani tertuduh atas kesalahan mengikut Seksyen 39A (1) dan Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 iaitu 24 bulan penjara dan tiga sebatan.

Mengikut pertuduhan, Mohd Afif, didapati memiliki dadah methamphetamine berat bersih 35.56 gram di sebuah inap desa di

Jalan Bachang, Kampung Bachang pada 9 Oktober 2021, kira-kira jam 12.10 tengah malam.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 39A (2) ADB 1952 yang membawa hukuman penjara seumur hidup atau minimum lima tahun dan sebat, minimum 10 sebatan, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, tertuduh dalam rayuannya mengaku dirinya menyesal atas kesalahan dilakukannya.

“Ya Arif saya pohon hukuman paling ringan kerana saya mahu jaga ibu bapa kerana saya anak sulung daripada tiga beradik,” katanya yang tidak diwakili peguam bela.

Timbalan Pendakwa Raya N Sivashangari memohon hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh dan orang lain untuk tidak mengulang kesalahan sama.



Mohd Afif dijatuhkan hukuman penjara lima tahun enam bulan dan 10 sebatan atas kesalahan memiliki 35.56 gram syabu di sebuah inap desa, tahun lalu. (Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)